

08 OCT 1996

CENPEACE SAMBUT BAIK KEPUTUSAN MALAYSIA-INDONESIA

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Pusat Inisiatif Damai (Cenpeace) menyambut baik keputusan kerajaan Malaysia dan Indonesia menyelesaikan isu tuntutan Kepulauan Sipadan dan Ligitan melalui Mahkamah Antarabangsa di the Hague.

Pengarah Eksekutifnya Fan Yew Teng berkata dalam kenyuataan hari ini bahawa persetujuan kedua-dua kerajaan untuk menyelesaikan isu berkenaan melalui cara itu ialah selaras dengan undang-undang antarabangsa.

Beliau berkata negara-negara yang mengemukakan tuntutan terhadap kepulauan lain seperti Spratly dan Tokdo harus membawa ke situ ke mahkamah antarabangsa untuk penyelesaian secara aman.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata beliau dan Presiden Suharto telah memuituskan untuk menerima keputusan mahkamah dunia itu terhadap tuntutan bertindih oleh kedua-dua negara.

Dalam pada itu, Fan berkata keputusan kedua-dua kerajaan tidak menentang kemasukan Myanmar ke dalam Asean adalah "mengecewakan"

Fan berkata junta tentera Myanmar masih menahan tanpa bicara pejuang-pejuang demokrasi dan belum bersedia menyerahkan kuasa kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat pada pilihan raya 1990. -- BERNAMA

NI FAZ